

09/09/2003

Hukum Pas buat rakyat keliru, sesat: PM

Lichong Angkui; Amirullah Andi Nur; Azrone Sarabatin

PENAMPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana membuat tanggapan umum bahawa graduan universiti sekarang tidak berakhlak dan banyak terbabit dengan jenayah rasuah.

Perdana Menteri berkata, dalam banyak kes, apa yang berlaku tidak membabitkan graduan universiti saja.

"Saya ada melihat gambar mengenai kes seorang lelaki tua dari sebuah kampung merogol cucunya. Dia sudah tua dan saya tak fikir dia ada menuntut di universiti.

"Ramai mereka ini dijumpai di Kelantan. Mereka yang berpelajaran di Kelantan bekerja di Kuala Lumpur. Saya tak fikir ia sebab universiti.

"Sebaliknya, ia disebabkan Pas tidak mengajar ajaran Islam sebenar. Mereka mengajar perkara bertentangan dengan Islam sehingga menyebabkan orang ramai keliru," katanya sambil menyebut contoh kenyataan Pas yang mengatakan meliwat isteri dibenarkan dalam Islam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan kongres ke-18 Parti Bersatu Sabah (PBS) di Hongkod Koisaan, di sini semalam.

Nik Abdul Aziz sebelum ini dilaporkan berkata Kelantan bercadang menubuhkan universiti sendiri kerana mendakwa graduan lepasan universiti sekarang tidak berakhlak dan banyak terbabit jenayah.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan kongres itu, Dr Mahathir meminta penduduk Sabah tidak memberi peluang kepada calon bebas dan pembangkang bertapak di negeri ini dalam pilihan raya akan datang.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan sokongan padu dan menyeluruh rakyat negeri ini kepada Barisan Nasional (BN) ketika ini, beliau berkata parti itu sudah membuktikan kecekapan dan kemampuannya mentadbir Sabah.

"Tidak payahlah bagi parti lawan bertapak di sini, termasuk mereka yang suka jadi calon bebas. Mereka yang bertanding jadi calon bebas kerana hendakkan duit, itu saja dan bukan kerana niat lain. Saya yakin rakyat Sabah tidak akan ditipu oleh mereka ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata kerajaan memerlukan sokongan dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri bagi memastikan dapat terus memerintah jika sekiranya ada yang keluar parti dan menyertai parti lain.

"Kalau kita menang banyak kerusi, kita akan dapat kerajaan yang berwibawa dan stabil. Jangan bagi peluang kepada pembangkang dan tanya diri, apa yang kita dapat dari parti lawan.

"Kalau sokongan kepada kerajaan BN, sudah pasti akan dapat pemerintahan yang baik apalagi kalau parti yang serupa dengan kerajaan Pusat. Oleh sebab itu apabila PBS kembali ke pangkuan BN, kita amat gembira.

"Kita boleh kata, kita sudah kuat tapi kita tidak tamak dan sanggup berkongsi kuasa dengan parti itu," katanya yang mendapat tepukan gemuruh kira-kira 5,000 orang yang hadir.

Perdana Menteri yakin BN akan memberi sokongan padu kepada PBS sebagai calon parti dalam pilihan raya akan datang datang dan sebaliknya, parti itu juga akan berbuat demikian kepada parti komponen lain.

Beliau berkata formula kerjasama, harmoni dan perkongsian kuasa menjadi asas kepada kepada kejayaan BN untuk terus kekal memerintah dan mendapat sokongan rakyat.